

# 'Saya bersyukur Perdana Menteri

UM 21 JUN 2003

## MUKADIMAH:

PERHIMPUNAN Agung UMNO Ke-54 ini merupakan yang terakhir bagi Datin Seri Endon Mahmood sebagai isteri Timbalan Presiden parti.

Seiring dengan pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO selepas pengunduran Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada Oktober ini, beliau juga akan beralih kerusi.

Semalam, bakal isteri Perdana Menteri dan Presiden UMNO itu berkongsi perasaan dan pandangannya mengenai pelantikan Abdullah atau le-

## Wawancara

bih mesra dipanggil 'Pak Lah' kepada wartawan *Mingguan Malaysia*, MARHAINI KAMARUDDIN.

MINGGUAN: Pernahkah Datin Seri menjangka yang Datuk Seri akan dipilih sebagai Perdana Menteri dan Datin Seri sendiri menjadi Wanita Pertama Malaysia?

ENDON: Pada pendapat saya, setiap ahli politik berharap untuk mencapai jawatan yang setinggi mungkin dan Alhamdulillah, Pak Lah (Abdullah) akan berpeluang untuk berkhidmat kepada negara sebagai Perdana Menteri.

Sememangnya ini adalah sesuatu

yang tidak saya jangka, lebih-lebih lagi apabila saya mengimbas kembali pelbagai cabaran dan dugaan yang Pak Lah hadapi sebelum ini, sehingga pada satu ketika saya pernah mencadangkan kepada Pak Lah supaya mengundur diri dari dunia politik.

MINGGUAN: Apa perasaan Datin Seri sewaktu Perdana Menteri mengumumkan Datuk Seri Abdullah sebagai pengganti?

ENDON: Saya berasa bangga dan bersyukur Dr. Mahathir telah menaruh kepercayaan kepada suami saya untuk mengambil alih kepimpinan parti dan negara.

MINGGUAN: Apa pula perasaan Datin Seri apabila semua pemimpin parti dan perwakilan pada Perhimpunan Agung UMNO ke-54 ini menyatakan sokongan padu kepada

# beri kepercayaan kepada Abdullah'

Pak Lah sebagai bakal Perdana Menteri dan Presiden parti?

ENDON: Alhamdulillah, Pak Lah akan mewarisi daripada Dr. Mahathir sebuah parti yang kukuh dan mantap. Saya berterima kasih kepada ahli-ahli UMNO yang telah menyuarkan sokongan padu kepada Pak Lah kerana ini akan menjadi asas yang kukuh bagi menghadapi cabaran-cabaran akan datang.

MINGGUAN: Selepas Pak Lah menjadi Perdana Menteri, Datin Seri akan 'kehilangan' banyak masa bersama beliau sebagai suami. Adakah Datin Seri sudah bersedia menghadapi hakikat ini?

ENDON: Ini perkara lazim. Sepanjang Pak Lah berkhidmat sebagai ahli politik, jadual beliau memang sentiasa penuh. Walaupun saya menjangka keadaan akan bertam-

bah sibuk, saya akan memberi sokongan penuh kepada suami saya.

MINGGUAN: Apakah isteri kepada Perdana Menteri?

ENDON: Saya tidak melakukan apa-apa persediaan khas. Saya yakin Pak Lah akan memberi nasihat bagaimana saya boleh memainkan peranan untuk membantu beliau, demi kebaikan negara.

MINGGUAN: Adakah Datin Seri mendapatkan nasihat daripada Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali untuk mengambil tanggungjawab ini?

ENDON: Saya menganggap Dr. Siti Hasmah sebagai seorang wanita, isteri dan ibu contoh. Sudah tentu saya akan meminta nasihatnya dari semasa ke semasa.